

10 NOV 1999

Mahathir-Kubang Pasu

MAHATHIR BERTANDING SEMULA DI KUBANG PASU

PUTRAJAYA, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan bahawa beliau akan bertanding semula di kawasan Parlimen Kubang Pasu di Kedah pada pilihan raya umum akan datang.

"Tak ada sebab saya nak lari daripada Kubang Pasu," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada beliau akan mempertahankan kerusinya itu yang dimenangi dengan selesa pada pilihan raya lepas.

Beliau memberitahu demikian pada sidang berita di Jabatan Perdana Menteri di sini selepas mengumumkan keputusannya untuk membubarkan Parlimen esok.

Dr Mahathir bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Kota Setar Selatan (sekarang Kubang Pasu) pada pilihan raya umum 1964. Bagaimanapun, pada pilihan raya umum 1969, beliau tewas kepada calon PAS Haji Yusof Rawa.

Dr Mahathir memenangi semula kerusi itu pada pilihan raya umum 1974 dan sejak itu mewakili kawasan berkenaan.

Pada pilihan raya umum 1995, Dr Mahathir menewaskan calon PAS, Ahmad Ma'alim dengan majoriti 17,226 undi.

Terdapat 47,356 pengundi berdaftar di Kubang Pasu untuk pilihan raya umum akan datang. Kawasan Parlimen Kubang Pasu mempunyai dua kerusi Dewan Undangan Negeri iaitu Tunjang dan Jitra, kedua-duanya dipegang oleh BN.

Ketika ditanya mengenai rancangan pesaraannya, Dr Mahathir secara berseloroh berkata beliau "akan bersara satu hari nanti."

Kepada soalan sama ada pilihan raya kali ini yang terakhir baginya, perdana menteri menjawab : "Sebelum inipun (pada pilihan raya umum 1995), saya ingat itulah kali terakhir."

Jawapannya itu disambut dengan ketawa.

Dr Mahathir berkata beliau hanya boleh merancang tetapi Allah yang akan menentukan.

"Kita selalu kata insya-Allah. Saya boleh merancang sesuatu tetapi kejayaan rancangan itu bukan hak saya untuk menentukan," kata beliau.

Mengenai senarai calon Barisan Nasional bagi pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir, Presiden Umno dan Pengerusi BN, berkata mungkin akan ada muka-muka baru.

"Kita akan adakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin parti komponen BN untuk menentukan siapa yang betul-betul layak menjadi calon," kata beliau.

Mengenai pembahagian kerusi untuk ditandingi, Dr Mahathir berkata ia lebih-kurang sama dengan pembahagian pada pilihan raya umum lepas.

"Daripada segi jumlah (kerusi), tiada perubahan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ada kemungkinan parti-parti komponen BN akan bertukar-tukar kerusi sesama mereka.

BN merangkumi 14 parti komponen terdiri daripada Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung; Parti Liberal Demokratik, Akar Bersatu, Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Bersatu, Parti Bersatu Rakyat Sabah dan Parti Maju Sabah di Sabah, dan; Parti Pesaka Bumiputera Bersatu, Parti Rakyat Bersatu Sarawak, Parti Bansa Dayak Sarawak dan Parti Kebangsaan Sarawak di Sarawak.

-- BERNAMA

ES MAI